

NILAI IBADAT DALAM PERBUATAN- PERBUATAN HARUS (*AL-AF'ĀL AL- MUBĀHAH*): TINJAUAN TERHADAP PEMIKIRAN IMĀM AḤMAD IBN TAYMIYYAH

Rushdi Ramli*

ABSTRACT

Islam pays a great deal of attention towards human deeds because every action human makes will have a profound effect on his or her life. In this regard, Islam has divided human deeds into five main categories which are wajib, sunnah, haram, makruh dan mubah. By observing what is obligatory and commendable acts of worship and avoiding what is haram and makruh a person will be able to become close to Allah S.W.T. and gain His pleasure. However Muslim scholars have different point of view regarding "permissible deeds" as to what extend those actions can be regarded as "part of worship" when they are being carried out with pious intention and in harmony with the Islamic law. This article discusses the position of mubāh deeds through the view point of Ahmad Ibn Taymiyyah.

Keywords: *worship, Muslim, Islamic law, Ibn Taymiyyah*

* Senior Lecturer at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

PENDAHULUAN

Hukum-hukum Syarak dalam Islam mempunyai perkaitan yang langsung dengan “perbuatan-perbuatan dan amalan seorang manusia”. Kerana itu para ulama *Uṣūl* telah mendefinisikan “hukum Syarak” sebagai *khiṭāb* Allah yang berkaitan dengan *perbuatan-perbuatan* golongan mukallaf, sama ada *khiṭāb* itu bersifat menuntut melakukan sesuatu perbuatan (wajib dan sunat) atau menuntut meninggalkan sesuatu perbuatan (haram dan makruh) atau memberikan pilihan antara melakukan dan meninggalkan sesuatu perbuatan (harus) atau menjadikan sesuatu itu sebagai *sebab*, *syarat* dan *māni*¹ kepada sesuatu yang lain.¹ Kerana itu dapat difahami bahawa perbuatan-perbuatan manusia mempunyai nilai dan kedudukannya yang tersendiri menurut neraca syarak. Perbuatan-perbuatan yang termasuk dalam kategori wajib dan sunat, maka pelakunya akan diberikan ganjaran pahala dari sisi Allah manakala perbuatan-perbuatan yang termasuk dalam kategori haram ataupun makruh sudah pastinya pelakunya tidak disukai oleh Allah S.W.T. Selain daripada perbuatan wajib, sunat, haram dan makruh, yang telah jelas kedudukannya menurut hukum syarak, perbuatan yang termasuk dalam kategori “perbuatan harus” adalah antara persoalan yang diperselisihkan nilai dan kedudukannya oleh para ulama, iaitu sejauh manakah nilai perbuatan-perbuatan harus tersebut boleh dinaiktarafkan sehingga menjadi satu ibadat di sisi Allah.

Nilai Perbuatan-Perbuatan Harus (*al-Mubāḥāt*) Dalam Konteks Beribadat Menurut Para Ulama : Satu Tinjauan Umum

Perbuatan-perbuatan harus diungkapkan di dalam Syariat Islam sebagai *al-umūr al-mubāḥah*. Menurut hukum Syarak, ia merujuk kepada segala perbuatan dan perlakuan yang Syarak mengizinkan seseorang Muslim itu untuk “melakukannya” atau untuk “meninggalkannya”, iaitu Allah S.W.T. tidak memuji atau memberi pahala kepada sesiapa yang melakukan perbuatan tersebut dan tidak juga mencerca atau mengecam sesiapa yang meninggalkannya. Di samping “perbuatan-perbuatan harus”,

¹ ‘Abd al-Karīm Zaydān (2006), *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah Nāsyirūn, h. 23.

perbuatan-perbuatan manusia menurut Islam dapat dikategorikan sebagai perbuatan wajib, perbuatan sunat, perbuatan haram dan perbuatan makruh.

Secara dasarnya, para ulama bersetuju untuk menyatakan bahawa “perbuatan-perbuatan harus” menurut hukum syarak, seperti makan, minum, memandang kepada kejadian makhluk Allah, tersenyum, tertawa, duduk, berbaring, berdiri, tidur, tidaklah termasuk dalam kategori amalan-amalan ibadat yang diberikan ganjaran pahala dan boleh menghampirkan diri seseorang kepada Allah. Amalan-amalan seumpama ini diistilahkan oleh para ulama sebagai amalan-amalan adat seharian. Walau bagaimana pun para ulama telah berselisih pendapat apakah perbuatan-perbuatan harus seperti yang dinyatakan itu masih mempunyai ruang untuk bertukar menjadi suatu “ibadat kepada Allah”, iaitu suatu perbuatan yang diberikan pahala sekiranya ianya disertai dengan niat yang salih dan diredai Allah S.W.T.

Golongan Pertama

Menurut segolongan ulama, perbuatan-perbuatan harus tidak mempunyai ruang untuk dijadikan wasilah bagi menghampirkan diri seseorang kepada Allah. Perbuatan-perbuatan harus akan terus kekal sebagai perbuatan harus dalam semua keadaan. Kerana itu, menurut golongan ini, niat “yang salih dan diperakui oleh hukum Syarak” yang disertakan ketika melakukan perbuatan harus tidak memberikan apa-apa kesan terhadap perbuatan-perbuatan harus tersebut.² Perbuatan-perbuatan harus tersebut akan terus kekal sebagai “amalan adat harian” yang tidak menghasilkan sebarang pahala. Sebagai misalan, seandainya seseorang itu melakukan latihan fizikal badan dengan niat untuk menjaga tahap kesihatan badannya, iaitu menunaikan “hak badan”, maka niat salih seperti ini tidak dapat menukarkan status aktiviti fizikalnya daripada amalan bersukan kepada amalan ibadat.

Al-Khuṭab menyatakan, “*Semua hukum Syariat Islam [tidak akan terkeluar] sama ada ianya bersifat “menuntut” [seseorang melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu] atau bersifat*

² ‘Umar Sulaymān al-Asyqar (1999), *Maqāṣid al-Mukallaḥīn: al-Ikhlāṣ*. Jordan: Dār al-Nafā’is, h. 149.

“harus” [boleh dilakukan atau ditinggalkan tanpa pahala dan cercaan]. Maka perbuatan-perbuatan yang termasuk dalam kategori “harus” tidak dapat dijadikan wasilah bagi bertaqarrub kepada Allah; justeru, niat tidak memberikan apa-apa kesan kepada perbuatan harus”³

Manakala para ulama dari mazhab Mālikī telah berhujah dengan firman Allah yang bermaksud, “Dan bukanlah suatu kebajikan bahawa kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya.....” (al-Baqarah: 189) bagi menyatakan bahawa apa-apa sahaja “perbuatan” yang dilakukan bagi tujuan dan dengan niat beribadat kepada Allah, perbuatan seperti ini tidak dapat dilakukan melainkan terhadap perbuatan-perbuatan yang sememangnya telah disyariatkan oleh Allah (sebagai suatu ibadat), bukannya perbuatan-perbuatan harus ataupun perbuatan-perbuatan yang dilarang Allah.⁴

Manakala al-Qurṭubī pula, di dalam karya tafsir tersohornya *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, ketika memberikan huraian hukum terhadap ayat 189 surah al-Baqarah yang lalu, menyatakan, “... Di dalam ayat tersebut adanya penjelasan bahawa apa-apa perbuatan yang Allah S.W.T. tidak mensyariatkannya sebagai satu qurbah [satu amalan yang boleh menghampirkan seseorang kepada Tuhan seperti bersembahyang, berzakat dan berzikir] dan tidak juga menjadikannya sebagai satu amalan sunat maka amalan tersebut tidak boleh bertukar menjadi satu qurbah””⁵

Golongan Kedua

Menurut segolongan ulama lagi, “niat yang baik dan diperakui oleh syarak” memiliki kesan yang besar terhadap amalan-amalan harian yang hukum asalnya adalah “harus” semata-mata. Ini bermakna semua perbuatan-perbuatan harus akan bertukar menjadi “amal ibadah yang diberikan pahala oleh Allah” seandainya orang yang melakukannya menyertakan niat yang salih dan dicintai Allah. Sebagai misalan, seandainya seseorang

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*, hh. 149-150.

⁵ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad al-Qurṭubī (1988), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil. 2, h. 231.

itu melakukan aktiviti-aktiviti fizikal, seperti bersukan, dengan niat untuk menyihatkan tubuh badannya bagi membolehkan dirinya terus beramal ibadat dengan sempurna, maka aktiviti fizikal tersebut adalah dikira sebahagian daripada amalan ibadat. Misalan yang lain, seandainya seorang suami itu “mendatangi” isterinya dengan niat untuk memelihara kehormatan dirinya dan diri isterinya di samping bagi memenuhi hak isterinya, maka perlakuan tersebut dianggap sebagai suatu ibadat menurut hukum Syarak meskipun ianya melibatkan unsur-unsur memenuhi hawa nafsu.

Di dalam mendukung pandangan ini Muhammad al-Ḥajj al-Mālikī, “.....*Amalan-amalan harus akan bertukar menjadi ibadat sunat melalui niat yang baik [yang dihadirkan ketika melakukannya]; justeru, sekiranya kita – ketika melakukan apa-apa perbuatan harian - dapat berniat di dalam hati menunaikan sesuatu yang wajib maka ini adalah lebih utama daripada kita [ketika melakukan perbuatan tersebut] sekadar berniat melakukan sesuatu yang sunat....*”⁶

Manakala Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang turut mendokong pandangan yang kedua ini, ketika menjelaskan ciri-ciri golongan *al-Muqarrabīn* (golongan mukminin yang dihampirkan kepada Allah kerana ketinggian amalan mereka) menyatakan “.....Maka bagi golongan *al-Muqarrabīn* “perbuatan-perbuatan harus” yang mereka lakukan akan bertukar menjadi amalan ketaatan dan *qurbah* kepada Allah (yakni, tidak seperti orang awam). Ini adalah disebabkan oleh *niat yang salih* yang mereka hadirkan di dalam setiap perbuatan mereka. Hakikat ini menjelaskan bahawa tidak wujud “amalan-amalan harus” yang sama nilainya (menurut neraca Syarak) dalam realiti kehidupan golongan *al-Muqarrabīn*. Sebaliknya, apa sahaja yang mereka lakukan (dalam aktiviti seharian mereka) adalah amalan yang terbaik dan terutama [yang melayakkan mereka mendapat pahala].....”⁷

Manakala menurut Ibn al-Syatt pula, sekiranya seseorang itu berniat untuk mendapatkan kekuatan dan tenaga bagi melaksanakan perintah Allah melalui perbuatan-perbuatan harus yang dilakukannya maka perbuatan-perbuatan harus tersebut

⁶ ‘Umar Sulaymān al-Asyqar (1999), *op.cit.*, h.151.

⁷ *Ibid.*

adalah dikira sebagai ibadat, seperti makan, tidur, mencari rezki dan lain-lain.⁸

Manakala al-Nawawī, ketika mengulas hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud: “*Sesungguhnya engkau tidak membelanjakan sesuatu nafkah dengan niat mencari keredaan Allah melainkan engkau akan diberikan pahala, termasuklah apa yang engkau suapkan ke dalam mulut isteri mu*” menyatakan, “..... Meletakkan satu suapan makanan ke dalam mulut isteri pada kebiasaannya berlaku pada ketika bersenda gurau [antara suami dan isteri] di mana unsur-unsur dorongan nafsu syahwat adalah jelas. Walau bagaimana pun sekiranya seseorang suami memendamkan niat melalui suapan itu untuk mendapatkan pahala dari Allah S.W.T. maka dia akan mendapat pahala sebagai satu kurniaan Allah...”⁹

Al-Ghazālī juga, di dalam karya tersohornya *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, turut mendokong pandangan yang kedua ini. Walau bagaimana pun beliau kelihatan lebih teliti dan amat cermat agar manusia tidak terperangkap atau terjebak ke dalam keburukan melalui perbuatan-perbuatan harus yang diizinkan Syarak. Di dalam membahaskan persoalan *hakikat dunia yang tercela*, beliau membahagikan perbuatan-perbuatan manusia kepada tiga kategori. Di dalam membincangkan kategori perbuatan yang ketiga, beliau menyatakan bahawa perbuatan dalam kategori yang ketiga ini merujuk kepada perbuatan-perbuatan harus yang menjanjikan rasa nikmat yang segera (*haz ‘ajil*) di dunia ini (seperti makan dan minum), namun ianya disalurkan ke arah ketaatan kepada Allah dan bagi maksud mencapai kebahagiaan di Akhirat.¹⁰ Beliau menegaskan: “.....perbuatan [harus] di sini merujuk kepada segala perlakuan-perlakuan yang “tidak boleh tidak” perlu dilakukan oleh seseorang bagi memungkinkan dirinya untuk terus hidup [*al-baqā’*] dan terus sihat [*al-ṣiḥḥah*] yang melalui keduanya [nikmat hidup dan sihat] dia berupaya untuk terus mencari ilmu dan beramal ibadat. Maka perlakuan seperti ini tidak termasuk dalam kategori perbuatan dunia yang tercela. Justeru, barangsiapa yang mengecapi sesuatu daripada habuan

⁸ *Ibid.*, h. 153.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Abū Ḥamid al-Ghazālī (1990), *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Khayr, jil. 3, h. 387.

dunia dengan niat agar perbuatan itu dapat membantu dirinya mencapai ilmu dan melaksanakan ibadat, maka perbuatan-perbuatan yang dilakukan itu tidak menggolongkan dirinya daripada golongan hamba-hamba dunia [abnā' al-dunyā]....”¹¹

Di sini kita memahami bahawa, menurut al-Ghazālī, seandainya perbuatan-perbuatan harian seseorang dilakukan dalam kadar yang melebihi had yang diperlukan bagi mencapai kebahagiaan di akhirat maka perbuatan tersebut tidak lagi dianggap sebagai perbuatan harus yang terpuji, suatu ibadat dan menjanjikan pahala di sisi Allah. Malah perbuatan seumpama ini dihukumkan oleh al-Ghazālī sebagai tercela dan perlu ditinggalkan.¹²

Di sini dapat dilihat bagaimana al-Ghazālī tidak meletakkan “niat yang salih” semata-mata sebagai prasyarat yang melayakkan sesuatu perbuatan harus bertukar menjadi suatu ibadat. Selain daripada niat yang salih, perbuatan-perbuatan harus itu juga, menurut al-Ghazālī, sewajarnya dilakukan serta “dinikmati” dalam kadarnya yang bersifat *darūrat* dan *ḥājat* sahaja, iaitu dalam kadarnya yang amat terbatas, yang diperlukan bagi membolehkan seseorang itu untuk terus beribadah kepada Allah dan bukannya bagi tujuan mengecapi nikmat semata-mata.

Manakala ilmuan Islam semasa ‘Abd al-Karīm Zaydān pula berpendapat bahawa pada hukum asalnya melakukan perbuatan-perbuatan harus tidak menjanjikan apa-apa ganjaran pahala dari sisi Allah dan tidak juga menjanjikan siksaan bagi sesiapa yang melakukannya. Walau bagaimana pun, ada ketikanya seseorang itu akan memperolehi pahala ekoran daripada niat yang *ṣāliḥ* yang disertakan ketika melakukan perbuatan tersebut. Sebagai misalan, sesiapa yang melakukan aktiviti-aktiviti bersukan dan riyadah fizikal dengan niat untuk menguatkan jasad dan badannya agar dia memiliki kekuatan untuk menghadapi musuh maka aktiviti tersebut melayakkannya mendapat pahala.¹³

Menurut Muḥammad Sulaymān ‘Abd Allāh al-Asyqar, segala perbuatan-perbuatan yang hukum asalnya adalah “harus” berupaya untuk bertukar menjadi sunat atau pun wajib atau haram, iaitu dengan melihat kepada pelbagai niat dan tujuan yang

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

¹³ ‘Abd al-Karīm Zaydān (2006), *op.cit.*, h. 39.

disertakan oleh pelakunya. Sebagai misalan, mencari rezki dan wang adalah sesuatu yang harus. Namun sekiranya seseorang itu mencari wang dengan niat untuk menjaga air mukanya dan bagi tujuan menampung keperluan ahli keluarganya maka usahanya itu dikira sebagai amalan sunat yang menjanjikan ganjaran pahala. Sebaliknya, sekiranya usahanya untuk mendapatkan wang adalah bagi tujuan membolehkan dirinya melakukan maksiat maka usaha yang dilakukan itu dianggap haram. Begitu juga ada ketikanya sesuatu amalan harus boleh bertukar menjadi haram sekiranya perbuatan harus itu membawa kepada perkara yang haram. Sebagai misalan, sekiranya seseorang itu menggunakan air yang dimilikinya untuk menyiram hasil tanamannya sedangkan pada masa yang sama terdapat orang-orang tertentu yang amat memerlukan air tersebut bagi menyelamatkan nyawa mereka maka perbuatan “menyiram tanaman” di kala ini dianggap sebagai haram.¹⁴

Kewajipan Bertaqarrub kepada Allah Dan Menyemai Cita-Cita Untuk Mencapai Maqam Yang Tertinggi Di Dalam Pemikiran Ibn Taymiyyah

Secara dasarnya Ibn Taymiyyah sentiasa menegaskan kepentingan bertaqarrub kepada Allah di dalam setiap perbuatan dan gerakgeri yang dilakukan oleh seseorang. Beliau menegaskan bahawa tidak ada cara yang memungkinkan seseorang itu untuk tercalon sebagai wali Allah dan menduduki maqam hampir dengan Allah melainkan dengan melaksanakan apa yang diwajibkan oleh Allah dan apa yang disunnatkan oleh Allah. Dengan perkataan lain, persoalan bertaqarrub kepada Allah hendaklah berdasarkan kepada apa yang telah dinaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan amalan-amalan wajib dan sunat.

Menurut Ibn Taymiyyah lagi, adalah penting bagi seseorang Muslim itu mempunyai cita-cita, hasrat, nekad dan tekad untuk menduduki maqam yang tertinggi dalam hubungannya dengan Allah S.W.T. Di suatu tempat beliau menegaskan bahawa sikap berputus asa dan harapan untuk mencapai darjat yang dicintai oleh Allah dan RasulNya adalah salah satu daripada dosa-dosa besar

¹⁴ Muḥammad Sulaymān ‘Abd Allāh al-Asyqar (1997), *al-Waḍiḥ Fī Usūl al-Fiqh*, Jordan: Dār al-Nafā’is, h. 42.

di dalam Islam.¹⁵ Kenyataan beliau di sini secara tidak langsung memahamkan bahawa setiap individu Muslim mempunyai kewajipan untuk meletakkan dirinya pada status dan darjat yang tertinggi dalam hubungannya dengan Allah S.W.T.

Menurut beliau lagi, walaupun pencapaian maqam yang tertinggi di sisi Allah adalah sesuatu sukar dan sentiasa dirintangi oleh pelbagai halangan namun seandainya seseorang Muslim itu komited dan nekad di dalam mengejar cita-cita tersebut, sentiasa memohon pertolongan kepada Allah bagi mencapai maksud tersebut dan sentiasa beristighfar atas dosa-dosanya maka pasti , “.....tidak boleh tidak, Allah S.W.T. akan [membuka laluanNya dengan] menganugerahkan kepada individu tersebut dari limpahan kurniaNya pelbagai nikmat yang tidak pernah terlintas di dalam hatinya selama ini. Dan seandainya orang tersebut mendapati hatinya masih belum lapang dan kemanisan iman dan cahaya hidayah belum dianugerahkan kepada dirinya maka dia hendaklah memperbanyakkan bertaubat, beristighfar dan bersungguh-sungguh berdasarkan kemampuannya....”¹⁶

Kenyataan Ibn Taymiyyah yang dinyatakan di atas memperlihatkan bahawa menurut beliau keinginan untuk mencapai maqam yang tertinggi di sisi Allah adalah tugas setiap Muslim dan ianya perlu disadari serta direalisasikan oleh setiap Muslim tanpa mengira latar belakang atau apa sahaja permasalahan yang melingkari dirinya.

Kedudukan Perbuatan-Perbuatan Harus Dalam Konteks Bertaqarrub Kepada Allah

Selain daripada amalan-amalan wajib dan sunat yang dianggap teras dan nadi bagi mendekati diri seseorang kepada Allah, Ibn Taymiyyah juga menegaskan kepentingan dan keperluan memanfaatkan setiap perbuatan dan gerak-laku harian dalam konteks menghampirkan diri dan jiwa kepada Allah. Ini bermakna, menurut Ibn Taymiyyah, segala perbuatan dan gerakgeri yang dilakukan oleh manusia seharusnya dan sedapatnya memiliki serta menyerlahkan nilai-nilai *'ubūdiyyah* dan beribadat kepada Allah.

¹⁵ Aḥmad Ibn Taymiyyah (t.t.), *Majmū' Fatāwā Syaykh al-Islām Aḥmad Ibn Taymiyyah*, Dār al-Rahmah, jil. 11, h. 390.

¹⁶ *Ibid.*

Di sini dapat dirumuskan secara pasti bahwa Ibn Taymiyyah memiliki pendirian dan mendukung pandangan yang sama dengan golongan para ulama yang berpendirian bahawa perbuatan harus memiliki ruang untuk bertukar menjadi amalan ibadat.

Di dalam menjelaskan perkara ini Ibn Taymiyyah menyatakan: “....seseorang Muslim itu sewajarnya tidak melakukan perkara-perkara yang harus menurut hukum Syarak [seperti makan, minum, tidur, berjalan, berbaring, duduk dan sebagainya] melainkan apa-apa yang dapat digunakan serta dimanfaatkan ke arah ketaatan kepada Allah dan dengan disertai niat untuk mentaati Allah melalui perbuatan-perbuatan harus tersebut....”¹⁷

Dapat difahami daripada maksud kenyataan Ibn Taymiyyah di sini bahawa seseorang Muslim itu tidak seharusnya mengambil sikap leka dan sambil lewa dengan perbuatan-perbuatan sehariannya yang diistilahkan sebagai adat. Seseorang Muslim itu sewajarnya berusaha bersungguh-sungguh menjadikan amalan sehariannya sebagai suatu ibadah dan amalan ketaatan kepada Allah.

Menurut beliau lagi, sikap seumpama inilah merupakan jalan golongan-golongan yang dihampirkan kepada Allah yang seharusnya menjadi ikutan dan amalan harian bagi setiap individu Muslim. Beliau menyatakan: “...maka inilah jalan golongan-golongan yang dihampirkan kepada Allah, yang mendekatkan diri mereka kepada Allah secara melaksanakan amalan-amalan yang sunat selepas melaksanakan amalan-amalan yang wajib....”¹⁸

Di tempat yang lain Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa selain daripada golongan yang dihampirkan kepada Allah (*al-muqarrabūn*), terdapat juga segolongan umat Islam yang digolongkan dalam golongan *al-muqtaṣidun aṣḥāb al-yamīn*. Mereka merupakan golongan umat Islam yang teguh melaksanakan perintah-perintah Allah [perkara-perkara yang diwajibkan Allah] dan meninggalkan perkara-perkara haram namun amalan-amalan adat seharian mereka masih diselubungi dengan unsur-unsur alpa, kelalaian, menurut hawa nafsu dan tidak juga disertai dengan niat untuk beribadat kepada Allah.

¹⁷ *Ibid.*, jil. 10, hh. 460-462.

¹⁸ *Ibid.*

Di dalam menjelaskan golongan *al-muqtaṣidun aṣḥāb al-yamīn* ini beliau menyatakan: “.....Adapun sesiapa yang melakukan perbuatan-perbuatan harus dalam keadaan lalai [yakni, tidak disertai dengan niat untuk menunaikan perintah Allah] atau melakukan perbuatan-perbuatan harus dengan kadar yang lebih daripada apa yang diperlukan (*fuḍūl al-ḥalāl*), iaitu secara yang tidak digunakan untuk mentaati Allah, namun orang tersebut tetap menunaikan amalan-amalan yang wajib dan menjauhi perkara-perkara yang haram, yang zahir dan batin, maka orang ini adalah tergolong dari kelompok *al-muqtaṣidun aṣḥāb al-yamīn*...”¹⁹

Melalui kenyataan Ibn Taymiyyah di atas dapat difahami bahawa perbuatan-perbuatan harus akan kehilangan nilai-nilai ibadatnya disebabkan oleh dua perkara: pertama kerana perbuatan tersebut dilakukan oleh seseorang dalam keadaan lalai dan alpa daripada mengingati Allah S.W.T., iaitu perbuatan tersebut langsung tidak dikaitkan dengan aspek beribadat kepada Allah oleh pelakunya, malah ianya bersifat memenuhi tuntutan hawa nafsu semata-mata, kedua apabila perbuatan harus tersebut telah termasuk dalam kategori *fuḍūl al-ḥalāl* iaitu perbuatan-perbuatan harus yang dilakukan secara yang melebihi had yang diperlukan bagi ketaatan kepada Allah sehingga unsur-unsur menurut hawa nafsu menjadi faktor pendorongnya yang utama.

Kerana itu di tempat lain Ibn Taymiyyah mengingatkan bahawa secara umumnya nilai dan ukuran bagi segala perbuatan-perbuatan harus yang dilakukan oleh seseorang adalah tidak sama menurut neraca Syarak. Terdapat beberapa faktor yang boleh mengubah nilai perbuatan-perbuatan harus yang dilakukan.

Walau bagaimana pun, menurut Ibn Taymiyyah, sebagai satu kaedah umum yang boleh dijadikan panduan dan pegangan sebagai seorang Muslim, apa-apa sahaja perbuatan-perbuatan harian yang dilakukan secara yang dicintai oleh Allah S.W.T. dan RasulNya, iaitu perbuatan tersebut dilakukan dengan cara meraikan segala adab kesopanan yang berkaitan dengan perbuatan tersebut maka perbuatan tersebut dianggap baik dan akan menjadi amalan *ṣāliḥ* bagi pelakunya. Sebaliknya, tegas Ibn Taymiyyah, apabila perbuatan-perbuatan harus itu dilakukan dalam bentuk yang tidak meraikan segala adab-adab Syaraknya maka, “.....meninggalkan

¹⁹ *Ibid.*

perbuatan harus seperti ini adalah lebih baik pada hak orang tersebut sekali pun tidak dapat dinafikan bahawa dia tidak akan disiksa oleh Allah kerana melakukannya....”²⁰

Adalah jelas berdasarkan kenyataan Ibn Taymiyyah di atas bahawa meraikan adab-adab Syarak yang berkaitan dengan amalan-amalan harian adalah perkara pokok yang harus diperhatikan di dalam perbuatan-perbuatan harus harian. Ini bermakna, menurut Ibn Taymiyyah, seandainya adab-adab Syarak tidak dapat diraikan dengan sebaik-baiknya maka perbuatan-perbuatan harus yang dilakukan itu amat wajar ditinggalkan dan inilah yang terbaik menurut neraca Syarak.

Di tempat yang lain Ibn Taymiyyah menekankan kepentingan memerhatikan sejauh manakah perbuatan-perbuatan harus yang akan dilakukan itu dapat membantu seseorang di dalam beribadat kepada Allah. Sekiranya perbuatan-perbuatan harus tersebut tidak dapat berperanan sebagai pembantu dan penolong seseorang di dalam beribadat kepada Allah maka perbuatan-perbuatan seumpama ini juga wajar ditinggalkan. Di sini dapat dilihat bagaimana Ibn Taymiyyah meletakkan motif dan pencetus bagi sesuatu amalan harus sebagai sesuatu yang penting diraikan di samping meraikan adab-adab Syarak. Ini bermakna, seandainya perbuatan harus tersebut lebih bersifat memenuhi hawa nafsu dan tidak dapat berperanan sebagai pemacu kepada peningkatan ‘*ubūdiyyah* kepada Allah maka perbuatan tersebut wajar ditinggalkan.

Walau bagaimana pun, tegas Ibn Taymiyyah lagi, bilamana perbuatan-perbuatan harus tersebut didapati wajar ditinggalkan, maka meninggalkan perbuatan-perbuatan harus itu tidak secara automatik dianggap baik menurut Syarak. Ianya hanya dianggap sebagai “bermakna dan terpuji menurut Syarak”, yakni mempunyai nilai-nilai amalan salih, apabila ianya dapat digantikan dengan perbuatan-perbuatan lain yang dicintai oleh Allah S.W.T. Beliau menegaskan: “.....dan begitu juga melakukan perkara-perkara yang harus yang tidak membantu seseorang dalam aspek ketaatan kepada Allah, maka menghindari perbuatan-perbuatan harus seperti ini adalah lebih baik dan lebih utama bagi seorang Muslim sekiranya [dengan syarat] “menghindari perbuatan-perbuatan

²⁰ *Ibid.*

harus tersebut” akan menyebabkan dirinya memenuhi masa-masa yang terluang itu dengan amalan-amalan lain yang bersifat ketaatan kepada Allah.....”²¹

Walau bagaimana pun, dari satu sudut yang lain Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa perbuatan-perbuatan harus yang dilakukan oleh seseorang, yang tidak langsung merangkumkan nilai-nilai beribadat kepada Allah, ada ketikanya masih boleh dianggap sebagai baik dan terpuji menurut kacamata Syarak. Ini boleh berlaku sekiranya penglibatan seseorang dengan perbuatan-perbuatan harus tersebut dapat menghindarkan dirinya dari terjebak ke dalam *perbuatan-perbuatan lain* yang terlebih buruk dan mudarat menurut Syarak. Malah tegas Ibn Taymiyyah, seandainya perbuatan-perbuatan harus yang dilakukan itu dapat memalingkan serta menjauhkan dirinya daripada terjebak ke dalam perkara-perkara haram maka perbuatan-perbuatan harus tersebut boleh dilihat sebagai suatu rahmat yang mendatangkan kebaikan kepada orang tersebut. Beliau menegaskan, “....*begitu juga sekiranya melakukan perbuatan-perbuatan harus tersebut dapat meghalang seseorang daripada melakukan perbuatan-perbuatan lain yang bersifat haram dan berdosa di sisi Allah maka melakukan amalan-amalan harus tersebut merupakan satu “rahmat” pada hak dirinya.....*”²²

Di sini kita dapat melihat ketelitian dan perincian Ibn Taymiyyah di dalam membahaskan kedudukan dan hukum perbuatan-perbuatan harus. Sesuatu perbuatan harus itu masih dapat dianggap sebagai suatu rahmat yang mendatangkan kebaikan kepada pelakunya sekalipun mungkin perbuatan itu tidak merangkumkan niat yang *ṣāliḥ* dan meraikan adab-adab Islam seperti yang disyaratkan sebelum daripada ini. Keadaan ini masih boleh berlaku sekiranya perbuatan harus tersebut dapat memalingkan orang tersebut daripada melakukan perbuatan-perbuatan lain yang bersifat haram.

Di tempat yang lain pula Ibn Taymiyyah menegaskan bagaimana perbuatan-perbuatan manusia yang secara umumnya digerakkan oleh dorongan hawa nafsu masih mempunyai ruang untuk dikategorikan sebagai amalan kebaikan yang mendatang

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

pahala kepada pelakunya. Keadaan ini boleh berlaku sekiranya pelakunya tidak terlupa untuk merangkumkan niat-niat yang diredai oleh Allah S.W.T. ketika melakukannya. Walau bagaimana pun sekiranya niat-niat yang salih ini tidak dirangkumkan maka bukanlah bermakna perbuatan-perbuatan harus itu dianggap sebagai tercela dan buruk. Apa yang berlaku ialah pelakunya akan terlepas untuk mendapatkan beberapa kebaikan daripada perbuatan harus yang dilakukan dan kedudukan darjatnya juga akan turut berkurang di sisi Allah.

Beliau menyatakan: “.....*dan begitu juga perbuatan-perbuatan yang secara umumnya didorong serta digerakkan oleh elemen hawa nafsu dan diselaputi dengan kelalaian (af‘āl al-ghaflah wa al-syahwah) namun masih dapat disalurkan ke jalan ketaatan kepada Allah, seperti tidur, menikmati makan dan minuman, berpakaian, berkahwin, sekiranya perbuatan-perbuatan ini dilakukan tanpa disertai dengan niat agar ianya dapat menolong di dalam beribadat dan ketakwaan kepada Allah, maka sekiranya niat [yang murni] seperti ini tidak dirangkumkan oleh pelakunya maka ketiadaan “niat yang baik” itu akan mengurangkan darjat ketaatan seseorang kepada Allah dan akan menyebabkan dirinya terlepas daripada beberapa kebaikan dan kebajikan yang dicintai Allah....”*²³

Menurut pemerhatian penulis, apa yang nyata di sini ialah pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah di sini kelihatan lebih lembut dan tidak terlalu keras di dalam menghukum orang-orang yang melakukan perbuatan harus tanpa menyertakan niat yang *ṣāliḥ* berbanding dengan pandangan al-Ghazālī seperti yang telah dinyatakan dahulu.

Di tempat yang lain pula Ibn Taymiyyah menjelaskan alasan dan sebab yang munasabah mengapa melakukan perbuatan-perbuatan harus, seperti makan dan minum, dianggap baik dan terpuji menurut Syarak sekalipun perlakuan itu melibatkan unsur-unsur hawa nafsu. Menurut beliau, melakukan perbuatan-perbuatan harus yang tidak dapat dielakkan bagi tujuan pemeliharaan nyawa dan penerusan hidup, seperti makan dan minum, adalah sebahagian daripada perintah Allah S.W.T. yang wajib dilaksanakan di mana mengabaikan perintah ini adalah

²³ *Ibid.*, jil.10, hh. 460-462.

dianggap berdosa. Walaupun perbuatan-perbuatan seperti ini, dari sudut hukum, kelihatan seperti suatu perbuatan harus yang tidak diberikan ganjaran pahala kerana ianya bukan ibadat namun pada hakikatnya ia tidak terkeluar daripada perintah Allah yang mewajibkan seseorang itu memelihara nyawa dan kesempurnaan hidupnya. Justeru, tegas beliau, dari sudut yang dinyatakan ini, melakukan perbuatan-perbuatan harus ini adalah termasuk dalam kategori melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. dan kerana itu pelakunya akan diberikan ganjaran pahala. Malah bagi memperkukuhkan lagi hujah beliau, Ibn Taymiyyah mengemukakan pendapat yang didokong oleh majoriti para ulama dari mazhab yang empat yang mewajibkan orang yang berada di dalam kebuluran untuk memakan bangkai atau apa sahaja bahan yang haram sekiranya perlakuan itu dapat menyelamatkan nyawanya.

Di dalam menjelaskan unsur ketaatan kepada perintah Allah di dalam melakukan perbuatan-perbuatan harus harian, beliau menyatakan: “...*begitu juga seseorang Muslim itu sememangnya diperintahkan [oleh Allah] melakukan perbuatan-perbuatan harus yang diperlukan bagi penerusan hidupnya [seperti makan, minum, tidur, berhibur dan berehat secara yang dibenarkan]. Ini bermakna seseorang itu diperintahkan [oleh Allah S.W.T.] agar makan ketika lapar dan minum ketika haus. Kerana itu adalah halal bagi sesiapa yang di dalam keadaan darurat untuk memakan bangkai [yang hukum asalnya adalah haram], di mana seandainya dia tidak memakan bangkai tersebut sehingga membawa kematian maka dia dianggap berdosa dan akan diska oleh Allah di Akhirat sebagaimana inilah pendapat jumhur ulama di dalam mazhab yang empat. Dan seperti itu juga seseorang Muslim itu diperintahkan [oleh Allah S.W.T.] agar menyetubuhi isterinya sekiranya dia memerlukan kepada hubungan kelamin tersebut, bahkan sekiranya dia seorang yang masih bujang dan amat berhajat kepada hubungan kelamin maka dia diperintahkan [oleh Syarak] agar berkahwin sekiranya berkemampuan....*”²⁴

Adalah menarik untuk diperhatikan melalui kenyataan di atas bagaimana Ibn Taymiyyah mengaitkan perbuatan-perbuatan harus

²⁴ *Ibid.*

yang lebih bersifat memenuhi nafsu syahwat semata-mata sebagai sebahagian daripada ibadat dan amalan ketaatan kepada Allah.

Dari satu sudut yang lain, penulis berpendapat bahawa kenyataan-kenyataan yang dilontarkan oleh Ibn Taymiyyah di sini jelas memperlihatkan bagaimana beliau melihat konsep beribadat kepada Allah dan ruang untuk mencari pahala akhirat sebagai sesuatu yang amat luas dan mudah dipraktikkan bagi sesiapa yang memahaminya dan bahawa sesungguhnya perbuatan-perbuatan harus mempunyai ruang yang cukup luas untuk digarapkan dengan nilai-nilai ibadat.

Sebagai pelengkap kepada pemikiran Ibn Taymiyyah ini penulis ingin memetik satu lagi kata-kata beliau yang amat relevan dengan isu yang dibincangkan iaitu kata beliau:

“.....Maka melakukan 1) perbuatan-perbuatan harus” yang tidak ada masalah dan kebaikannya atau 2) melakukan “perbuatan-perbuatan harus” yang ada masalahnya tetapi tidak disertai dengan niat beribadat kepada Allah, maka menjauhi amalan-amalan harus seperti ini adalah lebih baik menurut neraca Syarak daripada melakukannya sekiranya dengan tidak melakukannya seseorang itu berupaya melakukan amalan-amalan lain yang lebih baik. Sabda Nabi S.A.W. yang bermaksud: “....dan demikianlah juga bilamana seorang suami itu melepaskan nafsu syahwatnya pada tempat yang halal [menyetubuhi isterinya] dia akan diberikan ganjaran pahala....”. Ini adalah kerana apabila seseorang mukmin itu berhasrat untuk berkahwin maka dia pada hakikatnya memendamkan niat untuk memelihara dirinya daripada melakukan apa yang diharamkan Allah [iaitu perbuatan zina dan dosa-dosa lain yang berkaitan dengan wanita] dan juga berniat untuk melakukan apa yang diharuskan oleh Allah [perkahwinan] di mana, menurut Islam, Allah menyukai sekiranya segala kemudahan-kemudahan yang diberikan di dalam agamaNya diambil dan digunakan [oleh hamba-hambaNya] dan Allah membenci sekiranya segala yang dilarang di dalam agamaNya dilakukan, sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadis riwayat Imam Ahmad di dalam kitab al-Musnad.

Justeru, Allah suka perbuatan sesiapa yang mengqasarkan sembahyangnya dan sesiapa yang berbuka puasa sekiranya berasaskan kepada alasan yang benar. Kerana itu sikap dan

perbuatan seorang Mukmin yang menghindari amalan-amalan ibadat yang keterlaluan yang Allah tidak meredai - seperti amalan rahbāniyyah, memberat-beratkan diri secara keterlaluan sehingga menyiksa diri - dan kemudiannya dia melakukan apa yang Allah menyintai dan meredainya - seperti memanfaatkan pelbagai rukhsah yang dibenarkan - adalah [sikap seperti ini] termasuk daripada kebaikan-kebaikan [al-ḥasanāt] yang diberikan ganjaran ke atasnya, sekalipun mungkin perkara yang dilakukan itu adalah bersifat harus [pada hukum asalnya]. Ini adalah kerana penyertaan niat yang ikhlas kerana Allah menyebabkan sesuatu perbuatan harus itu dikira sebagai ketaatan kepada Allah dan RasulNya.....”²⁵

KESIMPULAN

Islam memberikan perhatian yang cukup besar dan panduan yang amat teliti mengenai persoalan *af'āl al-mukallafīn* (perbuatan-perbuatan manusia) memandangkan perbuatan-perbuatan manusia memiliki nilainya yang tersendiri, samada baik ataupun buruk, menurut neraca syarak iaitu sama ada perbuatan itu dianggap sebagai wajib ataupun sunat ataupun haram ataupun makruh. Di samping empat kategori perbuatan manusia tersebut yang memungkinkan manusia mendapat keridaan Allah ataupun sebaliknya, terdapat kategori kelima perbuatan manusia yang diistilahkan sebagai perbuatan harus, yang tidak dapat dikaitkan dengan pahala ataupun dosa. Namun kedudukan perbuatan harus ini amat penting dalam konteks kehidupan sebagai seorang Muslim memandangkan perbuatan-perbuatan harus merupakan perbuatan yang amat kerap dan paling lazim mewarnai kehidupan seharian seorang Muslim. Justeru, hakikat ini telah menyebabkan para ulama memberikan beberapa pandangan yang berbeza mengenai nilai perbuatan harus dalam konteks beribadah kepada Allah. Ibn Taymiyyah, sebagai seorang ulama yang sentiasa menegaskan kepentingan bertaqarrub kepada Allah di dalam setiap ketika, keadaan dan tindakan, tidak terkecuali di dalam merungkaikan permasalahan ini. Beliau secara tegas menyatakan bahawa apabila perbuatan-perbuatan harus dapat diwujudkan dalam bentuk yang menepati adab-adab yang

²⁵ *Ibid.*

disarankan oleh Syarak dan dapat turut disertakan dengan niat untuk melaksanakan tuntutan Syarak melalui perbuatan tersebut maka sudah pastinya perbuatan itu dapat dikategorikan sebagai ibadat dan akan mendatangkan kebaikan yang banyak kepada pelakunya. Dan begitu juga dapat dirumuskan, menurut beliau, secara umumnya tidak wujud perbuatan harus yang memiliki nilai yang sama secara mutlak. Terdapat beberapa faktor, luaran dan dalaman, yang akan menentukan nilai sebenar sesuatu perbuatan harus, sama ada ianya baik ataupun tidak.